

20 SEP 2003

Abdullah-Formula

PERKONGSIAN KUASA PARTI KOMPONEN BN FORMULA KEJAYAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata formula kejayaan Malaysia sekarang adalah hasil daripada perkongsian kuasa di antara parti-parti komponen dalam Barisan Nasional (BN).

Menurut Timbalan Perdana Menteri, perkongsian kuasa yang melibatkan parti-parti politik semua kaum dan agama itu perlu dikekalkan bagi memastikan kejayaan negara seterusnya.

"Kerajaan yang dipimpin oleh BN telah mencapai kejayaan yang besar," katanya berucap pada Perayaan Ulangtahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka di sini hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata kerajaan Persekutuan akan terus memastikan tidak ada mana-mana pihak akan diketepikan dalam segala perancangan kerajaan.

"Kita akan pastikan kerajaan BN tidak akan ketepikan mana-mana kaum, agama dan bangsa. Semua akan diberi tempat dalam negara yang meningkat maju ini," katanya.

Abdullah berkata perikatan BN bukan sekadar untuk mendapat sokongan rakyat, sebaliknya ia juga untuk memastikan negara terus maju dan rakyat hidup dalam keadaan yang selesa.

Beliau berkata pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan BN untuk memastikan kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang.

"Malaysia mesti boleh dan BN akan pastikan segala-galanya boleh dilakukan supaya Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang kukuh," katanya.

Abdullah juga memberi jaminan akan meneruskan segala rancangan dan agenda yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Semoga rakyat dapat pastikan bahawa kerajaan BN akan lebih kukuh dan berkuasa," katanya.

-- BERNAMA

MUN HK MOZ